

BULETIN

HEPA 2017



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



MAJLIS
KONVOKESYEN
ke-
15
Hفْلَةُ التَّخْرِيجِ
Convocation Ceremony
UNIVERSITI
SAINS ISLAM
MALAYSIA
2 - 4 Rabulawal 1439H / 21 - 23 November 2017

EDISI KHAS SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KE-15





MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN
YAB DATO SERI UTAMA HAJI MOHAMAD HAJI HASAN

**"Everybody must have knowledge but knowledge alone is not good enough...
knowledge must be coupled, accompanied by wisdom... search for the wisdom...and
most importantly must also have strategy..."**

MAJLIS AMANAT DAN LAFAZ IKRAR PELAJAR BAHARU SARJANA MUDA
SESI AKADEMIK 2018/2017
DEWAN TUANKU CANSELOR,
7 SEPTEMBER 2017

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad

PENASIHAT

Profesor Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan

KETUA EDITOR

Nasrul Hakim Ahmad

PENERBIT

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan.
Tel : 06-798 6157 Faks : 06-798 6155

EDITOR/WARTAWAN

Adika Hakmi Ab. Ghani
Noor Syahieda Husra Hussin
Muhammad Farid Ishak

ALUMNI USIM TEROKAI INOVASI BAHARU

Nur Diana Dzulkiply

Nur Diana Dzulkiply, anak kelahiran Johor Darul Takzim dan juga Alumni USIM 2007 (Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian) telah membawa ilmu keusahawanan yang diterokai di USIM ke peringkat yang lebih tinggi apabila mempelopori penubuhan syarikat pembuatan kasut kesihatan berkualiti tinggi pertama di Malaysia. Menceritakan pengalamannya sepanjang pengajian di USIM, beliau bergiat aktif dalam pelbagai badan pelajar termasuklah Kelab Debat dan turut terlibat selaku Jawatankuasa Tertinggi Debat Bahasa Arab Ihtifal IPT ASEAN pada tahun 2006. Sekalipun mengikuti program pengajian berbeza, ia tidak menghalang beliau untuk mengejar cita-cita keusahawanan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Ettijar Enterprise.

Ditubuhkan pada tahun 2016, Ettijar Enterprise mengeluarkan produk sendiri dikenali sebagai Med Shoe yang merupakan kasut untuk tujuan kesihatan. Idea penubuhan Ettijar Enterprise tercetus apabila beliau diuji dengan slip disc. Beliau bertekad supaya apa yang dialaminya tidak akan dialami oleh orang lain dan berusaha menghasilkan kasut untuk tujuan kesihatan ini. Maklum balas yang sangat memberangsangkan daripada para pelanggannya membuatkan Ettijar Enterprise mulai mendapat perhatian umum. Dalam tempoh kurang daripada 2 tahun, beliau telah berjaya membuka dan mengoperasikan 15 cawangan Med Shoe di seluruh negara.

Beliau bersetuju bahawa pengalaman ko-kurikulum di USIM telah melengkapkan beliau untuk mencebur dunia keusahawanan. Beliau menyatakan bahawa keyakinan diri, ketrampilan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah adalah amat penting untuk menempuh apa sahaja halangan alam keusahawanan mahupun kerjaya yang lain.



Beliau menggesa siswa-siswi USIM untuk berusaha meneroka dunia kerjaya seawal mungkin ketika masih dalam pengajian dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kokurikulum terutamanya kesukarelawanan untuk mendekatkan diri dengan masyarakat. Beliau menambah lagi bahawa siswa-siswi hendaklah sentiasa bersikap optimis dan berfikir di luar kotak untuk mempersiapkan diri berdepan dengan cabaran mendatang. "Perlu bertindak cepat dan tangkas. Jangan tunggu dan lihat shaja. Kalau bukan kita yang berjaya, siapa lagi?" katanya mengakhiri perbualan.

ALUMNI USIM MEMBANGGAKAN SANG SAKA BIRU



Siti Arbaiyah Md Nadirin, Alumni USIM 2015 (Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian) kini berkhidmat sebagai Pegawai Penyiasat Trafik, Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang, Selangor. Menceritakan pengalamannya sepanjang pengajian di USIM, beliau yang aktif dalam badan beruniform Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) sehingga melayakkannya dilantik sebagai Ketua Platon kepada 30 anggota selama 3 tahun berturut-turut. Posisi sebagai Ketua Platon bukanlah satu tugas mudah dan menuntut beliau bersikap tegas tetapi mesra.

Beliau mula melakar pencapaian tersendiri apabila muncul sebagai juara menembak acara air pistol dan air rifle Kor SUKSIS seluruh Malaysia pada 2011. Pengalaman selama 3 tahun sebagai Ketua Platon tersebut juga membawa hasil yang amat memberansangkan apabila diisyiharkan sebagai Pelatih Terbaik Keseluruhan sempena Majlis Pentaulahan Kor SUKSIS seluruh Malaysia pada 2012 dan menerima anugerah tersebut daripada Ketua Polis Negara. Disebabkan minat yang amat mendalam terhadap badan beruniform, beliau berazam untuk meneruskan minat tersebut ke alam kerjaya. Seperti mimpi jadi realiti, beliau amat teruja ketika menerima surat pelantikan sebagai Inspektor kerana ia sememangnya cita-cita sejak kecil.

Siti Arbaiyah Md Nadirin

Penglibatan dalam Kor SUKSIS dan pelbagai aktiviti kokurikulum yang lain telah membentuk jati diri dan keupayaan berdikari, kemampuan berkomunikasi secara berhemah serta lebih terbuka terhadap setiap cabaran kerjaya beliau. Kebolehan berbahasa Arab dan Inggeris pula yang diperkemaskan sepanjang pengajian di USIM telah memudahkan urusan beliau terutamanya ketika berhadapan dengan pengadu dari Timur Tengah dan dalam masa yang sama membina perhubungan yang baik di antara polis dengan masyarakat.

Harapan beliau agar USIM terus melahirkan graduan yang mempunyai jati diri Islam dan mampu bersaing dalam dunia yang kian mencabar tidak kira dalam apa jua aspek termasuk rohani dan jasmani. "Mencari ilmu itu wajib, tetapi perlu diingat pengalaman yang diraih dengan penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum juga adalah ilmu yang amat berharga untuk digunakan ketika mengharungi dunia pekerjaan nanti" ujarnya menutup perbualan.



Nur Akma Mohd Dali

Nur Akma Mohd Dali merupakan anak ketujuh dari lapan adik-beradik dan anak kepada pasangan Mohd Dali Ramli dan Faridah Mohd Ani. Beliau dilahirkan di Kulim, Kedah pada 18 September 1993. Nur Akma menerima pendidikan rendah di Sekolah Rendah Agama (Arab) Al-Masriyah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Pada tahun 2006 hingga 2010, beliau menyambung persekolahan di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Irsyad, Kepala Batas, Pulau Pinang.

Ketika di sekolah, beliau bukan sahaja cemerlang dalam akademik malah begitu aktif dalam aktiviti kurikulum. Kepimpinan beliau terserlah apabila dilantik sebagai Ketua Biro Disiplin dan Dakwah, Naib Pengurus Kelab Bahasa Arab, Jawatankuasa Pandu Puteri dan Pembimbing Rakan Sebaya. Beliau juga terpilih mewakili sekolah dalam Pertandingan Nasyid Peringkat Negeri Pulau Pinang dan turut mewakili sekolahnya dalam sukan ping pong. Keaktifan beliau dalam aktiviti kurikulum telah

Pertandingan Nasyid Peringkat Negeri Pulau Pinang dan turut mewakili sekolahnya dalam sukan ping pong. Keaktifan beliau dalam aktiviti kurikulum telah

membawa beliau mewakili Pulau Pinang dalam Pertandingan Kawad Kaki Peringkat Kebangsaan 2008 selain turut mewakili Pulau Pinang ke Pertandingan Pesta Pantun Peringkat Kebangsaan 2010. Keaktifannya tidak menghalang beliau daripada mencapai keputusan yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia 2010 apabila memperolehi 7A.



Perjalanan kecemerlangan Nur Akma diteruskan apabila beliau melanjutkan pengajian di USIM di peringkat Tamhidi Syariah dan Undang-Undang pada 2011 dan seterusnya di peringkat Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah dengan Kepujian di Fakulti Syariah dan Undang-Undang pada tahun 2012. Sepanjang tempoh pengajiannya di USIM, Nur Akma telah terlibat dalam pelbagai aktiviti akademik dan kurikulum bukan sahaja di peringkat USIM malah kebangsaan dan antarabangsa.

Walaupun tidak pernah terlintas di fikirannya untuk mengikuti pengajian Undang-Undang dan Syariah, beliau mencabar diri sendiri untuk meneroka ilmu ini dengan sebaiknya. Justeru, sejak semester pertama peringkat Tamhidi sehingga semester akhir peringkat Sarjana Muda, nama beliau sentiasa tersenarai sebagai salah seorang penerima Anugerah Pengarah Pusat Tamhidi dan Anugerah Dekan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Kecemerlangan dalam akademik bukanlah penghalang untuk beliau terlibat secara aktif dalam aktiviti kurikulum. Beliau memilih bergiat aktif melalui Sahabat Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia atau YADIM yang dikendalikan oleh Pusat Islam USIM selain turut aktif dalam kegiatan seni suara. Kelebihan seni suara yang ada pada dirinya tidak disia-siakan apabila beliau menonjolkan bakatnya dalam pelbagai pertandingan nasyid yang diadakan di USIM. Pada 2014, kumpulan nasyid ASSAFFA' yang diwakilinya berjaya merangkul



Buletin HEPA USIM • 2017

Konvokesyen USIM ke-15

gelaran johan dan muncul sebagai naib johan pada tahun berikutnya dalam Battle of Nasheedians. Beliau turut terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan apabila menyertai Global Islamic Students Outreach atau GISO ke Yogyakarta, Indonesia pada 2015 dan ke Krabi dan Hatyai, Thailand pada 2016. Kecemerlangan beliau dalam pengucapan awam berterusan apabila turut menempa kejuaraan dalam Pertandingan Mahkamah Mut Piala Tun Zaki Tun Azmi 2017 dan muncul sebagai Oralis Terbaik.

Apabila ditanya tentang hasrat dan cita-cita masa hadapan, beliau ternyata mahu terus membanggakan dan menyalurkan kebahagiaan kepada insan-insan di sekelilingnya dan membantu masyarakat agar lebih maju ke hadapan. Selain itu, minat yang mendalam untuk mengajarkan ilmu kepada orang lain telah menguatkan semangat beliau untuk terus-menerus menuntut ilmu sehingga ke peringkat yang paling tinggi. Kini beliau sedang mengikuti pengajian Sarjana Undang-Undang di Universiti Kebangsaan Malaysia. Semoga cita-citanya mendidik anak bangsa akan diper mudahkan.

"Kepada adik-adik siswa/i, manfaatkan masa kalian yang masih berbaki di Bumi Barakah ini sebaik-baiknya. Kutiplah sebanyak-banyak ilmu sama ada ilmu akademik mahupun kemahiran insaniah supaya kalian tidak tergolong antara orang-orang yang rugi di kemudian hari."

Pencapaian unggul beliau hadir melalui aktiviti debat dan pengucapan awam. Beliau terpilih mewakili USIM dalam Pertandingan Debat Ihtifal Intitusi Pengajian Tinggi ASEAN pada 2013, 2015, 2016 dan 2017. Beliau dan pasukannya telah mengharumkan nama USIM apabila merangkul gelaran juara pada edisi 2017 dan lebih membanggakan lagi apabila dinobatkan sebagai salah seorang Pendebat Terbaik Keseluruhan pada tahun itu.

Beliau turut mengharumkan nama USIM di peringkat antarabangsa apabila beliau dan pasukan debat bahasa Arab yang sama berjaya menggondol gelaran naib juara dalam Pertandingan Debat Bahasa Arab Universiti Antarabangsa (IUADC) di Doha, Qatar pada 2017. Lebih membanggakan apabila beliau juga meraih pendebat kedua terbaik keseluruhan kategori bukan penutur asli Bahasa Arab.





Khaulah Mohamad Adi

Khauthul Mohamad Adi dilahirkan pada 20 Mac 1994 dan merupakan cahaya mata kepada pasangan Mohamad Adi Ismail dan Noor Hayati Hashim yang juga merupakan anak keenam daripada lapan adik-beradik. Beliau bersekolah di Sekolah Rendah Islam Seri Melati dan menyambung persekolahan menengah di Ma'had at-Tarbiyah al-Islamiyah (MATRI) di Perkampungan Tunjong, Beseri, Perlis. Keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia yang cemerlang ketika di sekolah menengah telah membawa beliau ke USIM sebagai pelajar Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

Sepanjang pengajian beliau di USIM, nama beliau sering tersenarai sebagai penerima Anugerah Dekan. Program pengajian yang beliau ikuti di USIM telah banyak mendekatkan beliau dengan masyarakat untuk berkongsi idea-idea kreatif dalam berdakwah serta merangsang beliau untuk bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti kurikulum sama ada di dalam atau di luar kampus. Beliau berpengalaman menyandang jawatan selaku Timbalan Pengarah Festival Masjid Sedunia 2014 yang mengumpulkan lebih 160 cendekiawan Islam dari Australia, Hong Kong, Singapura, Sudan, Malaysia, Indonesia, Thailand, dan Filipina yang diadakan di Kedah. Beliau turut diamanahkan selaku Pengarah Hijab Project yang bermatlamat mendekati masyarakat setempat dengan cara mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan keselamatan, maruah dan jati diri wanita pada 2015.

Beliau turut berperanan sebagai pembentang mewakili kumpulan pengajiannya dalam Islamic Civilization Exhibition yang membahaskan kajian tentang tokoh-tokoh gerakan Islam tempatan dan global di era permodenan pada xxx. Pengalaman yang telah dilalui ini telah menyerlahkan bakat pengucapan awam beliau sehingga diberikan kepercayaan selaku Pengarah Wake Up Call Forum pada 2016 yang memfokuskan kepada kepentingan siswa/i Islam untuk cemerlang dan seimbang dalam akademik dan sahsiah serta berjati diri sebagai duta kecil di kalangan masyarakat. Modul "Najmah dalam Dakwah Sosiologi" melayakkkan beliau dan pasukannya meraih pingat perak dalam pertandingan inovasi antarabangsa iaitu Exposition on Islamic Innovation atau i-INOVA 2016.



Buletin HEPA USIM • 2017

Konvokesyen USIM ke-15

Pada 2016 beliau bersama 10 pelajar lagi telah menyertai Global Islamic Students Outreach atau GISO ke Perth, Australia untuk mempromosikan "Islam is Religion of Peace and the Way of Life". Menerusi projek ini, beliau dan kumpulannya telah bekerjasama dengan sebuah badan bukan kerajaan, Multiracial Reverted Muslims dalam menyampaikan bahan-bahan bacaan ke masjid-masjid dan menggerakkan dakwah jalanan kepada masyarakat non-Muslim sana.

Kesibukan dalam penyertaan bersama badan bukan kerajaan dan aktiviti kampus tidak menghalang beliau untuk mengikuti kursus intensif bahasa Turki di Yunus Emre Enstitusu di Kuala Lumpur. Penguasaan bahasa

Turki yang baik dan hasil keputusan peperiksaan yang memberansangkan telah memungkinkan beliau terpilih sebagai 'Top 4' pelajar dari Malaysia dan menerima tajaan sepenuhnya daripada Yunus Emre Enstitusu untuk mengikuti Turkish Language Summer School 2017 di Turki selama sebulan yang disertai seramai 700 orang peserta dari 57 buah negara. Sehingga kini, beliau masih meneruskan kursus intensif bahasa Turki tersebut yang dijangka akan berakhir pada Januari 2018. "Cita-cita kita biar tinggi dan kita mampu untuk pergi lebih jauh daripada apa yang kita sangkakan. Jadi, usahalah yang terbaik, Allah akan bukakan jalan dan permudahkan setiap langkah yang terasa sukar. Minta pada Allah dan Allah pasti tunaikan!"



GRADUAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI



Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan sebuah universiti Islam dan universiti awam (UA) yang ke-12 yang dimiliki sepenuhnya dan dibiayai oleh Kerajaan Malaysia. Matlamat USIM adalah menjadi peneraju dalam segenap aspek ilmu dan sebagai pusat rujukan global untuk integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Pendekatan yang ditampilkan oleh USIM, merangkumi pendekatan holistik ke arah penyampaian ilmu, yang menyatakan sains revelational (ilmu Naqli) dan sains rasional (ilmu Aqli).

Berdasarkan itu, USIM menawarkan model yang unik untuk pengajian tinggi Islam, yang membezakannya daripada universiti-universiti Islam yang lain di seluruh dunia. Integrasi ilmu agama bersama sains sosial dan fizikal dalam semua program USIM, telah menyediakan pemahaman yang komprehensif serta menawarkan pendekatan dan penyelesaian baharu dalam masalah global semasa.

USIM bertekad cemerlang dalam tiga landasan melalui program akademik dan penyelidikan. Antaranya ialah:

1. Pengajian Islam, Quran dan Sunnah
2. Sains Islam, Teknologi dan Kejuruteraan
3. Kesusastraan Islam, Sains Sosial dan Kemanusiaan

Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli atau GIINA telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Utama Mohamad Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan yang juga Menteri Mentor USIM pada 4 September 2015 sempena Majlis Lafaz Ikrar Hari Taaruf Pelajar Sarjana Muda Sesi Akademik 2015/2016. Menampilkan tiga elemen yang bersinergi iaitu holistik, seimbang dan berkeusahawanan. Ketiga-tiga elemen dalam model ini amat selaras dengan prinsip-prinsip pembangunan insan seperti yang digariskan dalam al-Quran dan as-Sunnah yang menekankan elemen tersebut selari dengan peranan insan itu sendiri sebagai khalifah Allah dalam kehidupan.

Dalam hal ini, USIM menumpukan kepada pembangunan siswa jangka panjang untuk tempoh antara empat hingga enam tahun pengajian di peringkat sarjana muda dengan pelajar diinisiatifkan untuk memantau kemajuan pencapaian Skor GIINA masing-masing dari semester ke semester sekali gus mengambil langkah-langkah perlu untuk mencapai piawaian kriteria graduan yang holistik, seimbang dan berkeusahawanan tersebut.

DEFINISI OPERASI